



2025



POLISI PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

MAJLIS PERBANDARAN JASIN





Keluaran 01
Tarikh kuatkuasa : 1 September 2025

2025



ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN	2
2. PELAKSANAAN	4
2.1 Pengisytiharan oleh semua warga MPJ	4
2.2 Pengisytiharan oleh Pegawai Proses	4
2.3 Pengurusan Perolehan.....	5
2.4 Mesyuarat Membuat Keputusan	6






1. PENGENALAN

Polisi Pengisytiharan Konflik Kepentingan ini bertujuan untuk mengelakkan perkara yang boleh menjasakan imej dan reputasi Majlis Perbandaran Jasin dalam melaksanakan urusan sehari-hari dengan telus, amanah dan berintegriti.

Ini juga sebagai salah satu langkah kawalan risiko rasuah di Majlis Perbandaran Jasin.

Kepentingan ini melibatkan “saudara” dan “sekutu” merujuk kepada Seksyen 3 Akta SPRM 2009 (Akta 694) seperti berikut:

- ‘saudara’ berhubung dengan seseorang, ertiinya,
 - a) Isteri atau suami itu;
 - b) Adik atau abang kakak orang itu;
 - c) Adik atau abang atau kakak isteri suami orang itu;
 - d) Orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
 - e) Orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
 - f) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);
 - g) Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
 - h) Menantu orang itu.





- “sekutu”, berhubungan dengan seseorang, ertiinya
 - a) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
 - b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
 - c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya , atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya;
 - d) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau
 - e) pemegang amanah manamana amanah, jika;
 - f) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
 - g) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.



2. PELAKSANAAN

2.1 Pengisytiharan oleh semua warga MPJ

Semua warga MPJ perlu menandatangani Ikrar Pengisytiharan Konflik Kepentingan seperti di **Lampiran 1**. Jabatan Khidmat Pengurusan (JKP) hendaklah memastikan semua warga MPJ termasuk yang baru melaporkan diri di MPJ untuk membaca, memahami dan menandatangani Ikrar Pengisytiharan Konflik Kepentingan tersebut.


Warga MPJ yang mempunyai konflik kepentingan dalam mana-mana proses seperti berikut hendaklah mengisytiharkan kepentingannya.

2.2 Pengisytiharan oleh Pegawai Proses

Pegawai Proses hendaklah menyemak maklumat pemohon atau pihak-pihak berkenaan terlebih dahulu semasa pelaksanaan sesuatu proses. Sekiranya ada sebarang kepentingan, pengisytiharan hendaklah dibuat menggunakan borang seperti di **Lampiran 2**. Ianya perlu dipanjangkan kepada Ketua Jabatan untuk tindakan lanjut seperti menggantikannya dengan pegawai proses yang lain.

Berikut ialah proses-proses yang memerlukan pengisytiharan konflik kepentingan oleh Pegawai Proses. Sebagai contoh:

- a) Pemproses pelan pemajuan;
- b) Permohonan lesen premis perniagaan berisiko;
- c) Proses sewaan premis dsb.







2.3 Pengurusan Perolehan

Untuk Perolehan Sebutharga dan Tender, Ahli Jawatankuasa Perolehan yang dilantik serta pembekal yang terlibat perlu menandatangani “*Integrity Pact*” merujuk kepada keperluan yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan (PK 1.1 Lampiran 1.2).

Bagi meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan di MPJ, semua pihak yang terlibat dalam perolehan adalah dikehendaki:

Menandatangani “*Integrity Pact*” di mana pihak yang terlibat ialah:

- i. Pegawai dan kakitangan MPJ yang terlibat dalam perolehan
- ii. Ahli Jawatankuasa berkaitan;
 - a. Jawatankuasa Pembuka Sebutharga / Tender;
 - b. Jawatankuasa Penilaian;
 - c. Jawatankuasa Rundingan Harga; dan
 - d. Lain-lain Jawatankuasa yang berkaitan.
- iii. Ahli Lembaga /Jawatankuasa Perolehan
- iv. Pembida
- v. Perunding





2.4 Mesyuarat Membuat Keputusan

Keperluan untuk Pengisytiharan Konflik Kepentingan hendaklah dimaklumkan di awal mana-mana mesyuarat membuat keputusan oleh Pengerusi mesyuarat.

Ahli mesyuarat yang mempunyai konflik kepentingan hendaklah mengisyiharkan kepentingannya sebelum mesyuarat bermula.

Jika ada sebarang kepentingan, Pengerusi mesyuarat hendaklah membuat keputusan sewajarnya seperti meminta ahli mesyuarat tersebut untuk meninggalkan mesyuarat.

Urus setia mesyuarat / pencatit minit hendaklah merekodkan pengisytiharan konflik kepentingan dalam dalam minit mesyuarat.

Contoh mesyuarat yang perlu Pengisytiharan Konflik Kepentingan:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Lalulintas, Lanskap dan Perkhidmatan Bandar
2. Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan
3. Mesyuarat Jawatankuasa Osc;
4. Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan;
5. Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Komuniti, Belia dan Pelancongan
6. Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Mampan
7. Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat
8. Mesyuarat Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran
9. Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Sewaan Premis
10. Mesyuarat Jawatankuasa Personel dan Perkhidmatan;
11. Jawatankuasa Temuduga Jawatan.

**Lampiran 1**

**AKUAN
PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN
MAJLIS PERBANDARAN JASIN**

Saya

No. Kad Pengenalan

adalah dengan sesungguhnya dan sebenamya mengisyiharkan bahawa:


- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam urusan kerja;
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjelaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses dalam urusan kerja;
- iii. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera kepada Pegawai Integriti atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- iv. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan urusan kerja kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88);
- v. Saya akan mengisyiharkan sekiranya terdapat mana-mana anggota atau keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan yang dikendalikan oleh saya; dan
- vi. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Kaedah-kaedah Pegawai Majlis Perbandaran Jasin (Kelakuan dan Tatatertib) 2008.

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tandatangan :

Tarikh :





BORANG PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN
MAJLIS PERBANDARAN JASIN

Saya

(Jabatan / Unit:)

dengan ini mengisyiharkan bahawa saya mempunyai kepentingan dalam proses kerja yang boleh menimbulkan konflik kepentingan dengan tugas-tugas saya di Majlis Perbandaran Jasin.

Butiran:

Nama Individu / Syarikat yang berkenaan:

Hubungan dengan Individu / Syarikat:

Permohonan / Urusan :

Tanggungjawab dalam Proses Kerja:

Saya dengan ini memohon agar dikecualikan daripada terlibat dalam proses kerja yang berkaitan dengan permohonan atau urusan di atas.

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Tarikh :

Ulasan Ketua Jabatan / Unit:

.....
.....

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

Nota:

Borang yang telah dilengkapkan perlu diserahkan kepada Unit Integriti untuk difaikkan.

